

3 tonggak tingkat pasaran modal

Langkah jangka pendek, sederhana pacu pertumbuhan ekonomi lebih besar, mampan

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Alzahrin Alias
bhbiz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan langkah jangka pendek dan sederhana merentasi tiga tonggak untuk meningkatkan pasaran modal bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara yang lebih besar, inklusif dan mampan.

Beliau berkata, tiga tonggak itu ialah mewujudkan kerangka pasaran dengan peluang penyertaan yang lebih besar untuk rakyat; menarik kumpulan pelabur yang lebih besar untuk menyokong pembiayaan bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan ekonomi baharu, ser-

ta melaksanakan pembaharuan pasaran dan struktur untuk meningkatkan daya saing Malaysia.

Katanya, bagi tonggak pertama berkuat kuasa Julai ini, kadar duti setem bagi saham yang didagangkan di Bursa Malaysia Securities akan dikurangkan daripada 0.15 peratus ketika ini kepada 0.10 peratus daripada nilai kontrak, tertakluk kepada had maksimum RM1,000 setiap kontrak.

Jelasnya, perubahan itu secara langsung akan mengurangkan kos urus niaga sekuriti dan menjadikan pasaran saham Malaysia lebih berdaya saing.

"Saya yakin langkah ini akan merangsang pasaran dan meningkatkan daya tarikkannya.

"Peningkatan dalam mudah tunai pasaran akan menarik lebih banyak dana domestik dan asing ke dalam pasaran saham Malaysia, sekali gus menggalakkan PKS untuk meneruskan dengan tawaran awam permulaan (IPO) serta memudahkan syarikat tersenarai awam mengumpul dana bagi mengembangkan perniagaan mereka dan mewujudkan lebih banyak

peluang pekerjaan," katanya pada majlis pelancaran Program Graduan Pasaran Modal (CMGP) di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Datuk Seri Dr Awang Adek Hussin; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Timbalan Menteri Kewangan 1, Datuk Seri Ahmad Maslan.

Bagi menarik kumpulan pelabur lebih besar menyokong pembiayaan PKS dan ekonomi baharu, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, Kementerian Kewangan (MoF) dan SC akan melihat dasar untuk memudahkan serta menarik penubuhan pejabat keluarga (family offices) di Malaysia.

Galak penerokaan korporat

Beliau berkata, MoF dan SC juga akan meninjau untuk menggalakkan penerokaan korporat bagi memacu pelaburan langsung domestik (DDI) yang lebih besar menerusi dasar cukai dan insentif yang lebih memudahkan, termasuk membolehkan keru-

gian cukai daripada penerokaan korporat digunakan oleh syarikat induk untuk memulakan pelaburan mampan lain dalam kumpulan.

Selain itu, katanya, MoF dan SC juga akan berusaha untuk meluaskan definisi pelabur sofistiked dengan membabitkan sekali pelabur budiman, modal teroka dan ekuiti persendirian.

Mengulas lanjut, Anwar mengakui pasaran jangka panjang dan pembaharuan struktur akan diperlukan untuk pasaran modal Malaysia dan transformasi ekonomi.

Justeru, katanya, sebagai permulaan bagi menggalakkan lebih banyak syarikat disenaraikan di pasaran saham tempatan, SC dan Bursa Malaysia akan melaksanakan pembaharuan tahun ini untuk memudahkan dan mempercepatkan penyenaian di bursa dengan mempercepatkan proses IPO serta memendekkan masa ke pasaran bagi memastikan daya saing dan daya tarikan Malaysia.

Proses penyenaian di pasaran tempatan lazimnya, akan mengambil masa empat hingga 12 bulan, bergantung pada

struktur dan kerumitan skim penyenaian.

Perdana Menteri juga berkata, sebarang pembaharuan memerlukan disiplin dan kesabaran, malah ia juga memerlukan keyakinan dan keberanian untuk melakukan perkara baharu dan membuat keputusan sukar demi kepentingan rakyat dan negara.

"Kerajaan ini akan melakukan semua yang diperlukan untuk memacu pertumbuhan inklusif dan mampan, ekonomi terbuka yang menghormati aliran kewangan bebas.

"Untuk terus menggalakkan pertumbuhan domestik, Kabinet akan mempercepatkan pelaksanaan projek kerajaan dan memudahkan kelulusan perniagaan seperti permohonan bagi ekspatriat mahir," katanya.

Mengulas sama ada langkah jangka pendek dan sederhana itu akan mengukuhkan ringgit, Anwar berkata, langkah yang diumumkan itu berkemungkinan dapat menyokong mata wang tempatan.

Katanya, apa yang penting adalah asas ekonomi negara masih lagi teguh.



Anwar sambil diperhatikan Awang Adek, Mohamed Khaled dan Ahmad (kiri) merasmikan InvestED di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)